

Headline	Perayu tiada hak fail saman		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	08 Mar 2012	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	45	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	101 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,074
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,222



## Perayu tiada hak fail saman

**K**UALA LUMPUR: Mahkamah Rayuan di sini, semalam, menolak rayuan seorang ahli perniagaan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang menolak kes tuntutan saman yang dikemukakannya bagi menuntut ganti RM10 juta daripada Kementerian Kesihatan dan tiga pihak lagi atas dakwaan kecuaiannya dalam ujian HIV isterinya.

Panel tiga hakim Mahkamah Rayuan diketuai Datuk Abdul Malik Ishak, Datuk Syed Ahmad Helmy Syed Ahmad dan Datuk Balia Yusuf Wahi yang bersidang di Mahkamah Tinggi di sini, semalam sebulat suara menolak rayuan P Raveentharan selepas memutuskan beliau tidak mempunyai hak (locus standi) untuk memfailkan kes tuntutan saman itu, sekali gus mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi pada 10 November 2011.

Abdul Malik dalam penghakimannya berkata,

walaupun bersimpati dengan nasib yang menimpa Raveentharan, mahkamah tidak boleh membenarkan rayuannya kerana perayu bukan pihak yang layak memfailkan saman itu.

Raveentharan yang tidak diwakili peguam memfailkan saman berkenaan pada 22 Oktober 2008 dengan menamakan Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan, Klinik Kesihatan Klang, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang dan Kerajaan Malaysia sebagai defendan.

Pada 2008, Raveentharan memfailkan saman menuntut ganti rugi RM10 juta.

Dalam penyata tuntutan, Raveentharan mendakwa pada Oktober 2005, dia membawa isterinya untuk pemeriksaan kandungan dan hasil ujian daripada Dr Seena F mendapati wanita itu positif HIV.

Bagaimanapun, hasil ujian kedua pada Disember 2005 mengesahkan wanita warga India itu bebas HIV.